



TEKS UCAPAN PERASMIAN
MESYUARAT PERWAKILAN TAHUNAN PERKOBF MALAYSIA KALI KE-13
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani

Yang Berusaha Tuan Tukiman Bin Radion,
Presiden PERKOBF Malaysia;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Yang Berusaha Tuan Sr Ahmad Farrin Bin Mokhtar,
Ketua Eksekutif CIDB MALAYSIA

Yang Berusaha Tuan Noorazman Ariff Bin Azizul Rahman,
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor Malaysia serta pegawai-pegawai kanan;

Yang Berbahagia Datuk Andy Kuek,
Ketua Pegawai Eksekutif Planworth Global Factoring Sdn Bhd;

Yang Berusaha Naib-Naib Presiden, Ahli-Ahli Majlis Tertinggi yang terdiri daripada Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua PERKOBF Cawangan, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung PERKOBF Malaysia;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan PERKOBF Malaysia;

Para Perwakilan dan Pemerhati;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PERKOBF Malaysia atas jemputan untuk hadir dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Perwakilan Tahunan PERKOBF Malaysia Kali Ke-13 pada hari ini.

Tahniah saya ucapkan kepada kepimpinan PERKOBF Malaysia yang terus komited menjadi suara dan wadah perjuangan kontraktor Bumiputera, khususnya kontraktor Kelas F dan G1 di seluruh negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Industri pembinaan merupakan antara sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Di sebalik pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang kita nikmati hari ini, terdapat ribuan kontraktor kecil dan sederhana yang menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan projek-projek kerajaan.

Justeru, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan kapasiti kontraktor tempatan agar mereka terus berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sebentar tadi saya telah mendengar dengan teliti ucapan aluan Presiden PERKOBF Malaysia, Yang Berusaha Tuan Tukiman Bin Radion. Saya mengambil maklum beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau bagi pihak ahli-ahli PERKOBF dari seluruh negara.

Antaranya ialah cadangan supaya dasar berkaitan kenaikan gred kontraktor G1 dikaji semula kerana terdapat kebimbangan bahawa dasar tersebut memberi tekanan kepada sebahagian kontraktor kecil yang masih memerlukan ruang untuk berkembang mengikut kemampuan dan kapasiti masing-masing.

Saya juga mengambil perhatian terhadap permohonan agar peluang projek untuk kontraktor kecil diperkasakan melalui pelaksanaan undian projek atau undi perdana oleh Jabatan Kerja Raya di seluruh negara.

Saya difahamkan bahawa terdapat kebimbangan dalam kalangan kontraktor G1 kerana pelaksanaan undian projek semakin berkurangan di beberapa negeri termasuk Wilayah Persekutuan, sekali gus menjejaskan peluang kontraktor kecil memperoleh projek kerajaan.

Sehubungan itu, saya akan meminta kementerian serta agensi berkaitan untuk meneliti pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh PERKOBF Malaysia. Kerajaan sentiasa terbuka menerima maklum balas daripada pemain industri bagi memastikan dasar dan pendekatan yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya yakin kontraktor Bumiputera mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sekiranya diberi peluang yang sewajarnya. Dalam masa yang sama, kontraktor juga perlu terus meningkatkan keupayaan syarikat melalui latihan, penggunaan teknologi, tadbir urus yang baik dan amalan integriti yang tinggi.

Kerjasama erat antara kerajaan, agensi pelaksana dan persatuan kontraktor seperti PERKOBF amat penting bagi memastikan industri pembinaan negara terus berkembang secara mampan dan inklusif.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada PERKOBF Malaysia atas penganjuran Mesyuarat Perwakilan Tahunan Kali Ke-13 ini. Saya berharap mesyuarat ini akan menghasilkan resolusi yang bernas demi kemajuan kontraktor Bumiputera dan pembangunan industri pembinaan negara.

Dengan sukacitanya saya merasmikan Mesyuarat Perwakilan Tahunan PERKOBF Malaysia Kali Ke-13 Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.